

Dalam pada itu Zuraida, berkata kementerian bercadang untuk melaksanakan pengasingan sampah mengikut kategori di kawasan perumahan pada tahun depan.

"Kita telah mengarahkan syarikat konsesi seperti Alam Flora Sdn Bhd, SWM Management Sdn Bhd dan E-Idaman Sdn Bhd yang menguruskan sisa pepejal di tujuh negeri untuk mengenalpasti kawasan perumahan yang dirasakan sesuai untuk memulakan program pengasingan ini.

"Mereka juga perlu menyediakan infrastruktur dan peralatan sokongan seperti tong sampah dan plastik untuk tujuan pengasingan sampah ini," katanya.

Sementara itu Cheah berkata, industri kitar semula plastik di Malaysia kini dianggarkan bernilai RM4.5 bilion setahun.

"Industri ini mampu berkembang dan menjana sehingga RM20 bilion setahun jika diberi sokongan daripada kerajaan termasuk pelaburan dalam teknologi lebih baik, infrastruktur dan naiktaraf kapasiti," katanya.